

04 APR 1999

Sabah-gabung (Analisis Berita)

PARTI-PARTI KADAZANDUSUN PERLU BERGABUNG?

Oleh: Eddy Lok

KOTA KINABALU, 4 April (Bernama) -- Ura-ura mengenai pergabungan antara parti-parti politik yang mewakili masyarakat Kadazandusun, yang merupakan lebih daripada setengah jumlah penduduk Sabah, sedang hangat diperkatakan walaupun bahang pilihanraya negeri dan penubuhan kerajaan baru yang baru sahaja lepas masih lagi belum reda sepenuhnya.

Apa yang dibangkitkan ialah sama ada parti-parti Kadazandusun dalam komponen sembilan anggota kerajaan Barisan Nasional (BN) negeri yang gagal teruk dalam pilihan raya itu perlu bergabung bagi meningkatkan kekuatan politik mereka yang meleset berikutan sokongan besar yang diperolehi oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) dan sokongan yang hampir tidak wujud kepada calon BN Kadazandusun.

Sebenarnya cakap-cakap mengenai penggabungan parti-parti Kadazandusun bukanlah satu perkara yang baru dalam politik Sabah. Ia pernah berlaku pada tahun-tahun enam puluhan.

Soalan yang jelas ialah apakah sekira parti-parti Kadazandusun yang ada sekarang -- Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Akar bergabung, ia akan dapat menyelesaikan masalah kepimpinan masyarakat itu dan bolehkan mereka membuat dakwaan berkesan mereka mewakili masyarakat itu?

Sebahagian besar masyarakat Kadazandusuns melihat kepada PBS untuk kepimpinan, diukur daripada sokongan politik yang terus menerus diberikan oleh masyarakat itu kepada parti itu yang memenangi 17 daripada 48 kerusi -- kebanyakannya kawasan Kadazandusun -- pada pilihan raya baru-baru ini. Dan, dari segi undi popular, ia mendapat 40 peratus.

Ura-ura mengenai penggabungan itu berlarutan sehingga ia melibatkan PBS, tetapi ia menerima tindak balas yang segera daripada pemimpin-pemimpin parti itu yang memperlecehkan idea itu sebagai sesuatu yang hanya ketiga-tiga parti BN Kadazandusun itu perlu "kunyah dan telan".

Kemungkinan pergabungan itu dimulakan oleh presiden PBRS Datuk Joseph Kurup yang tewas pada pilihan raya lepas, yang berkata bahawa ia akan memperkukuhkan perwakilan Kadazandusuns pada peringkat kerajaan.

Ini berikutan kekalahan teruk calon-calon Kadazandusun BN dalam pilihan raya itu. Kesemua empat calon PBRS dan Akar yang bertanding di atas tiket BN tewas dan daripada 12 calon PDS termasuk bekas Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, hanya dua terlepas daripada hukuman politik masyarakat Kadazandusun terhadap mereka yang disebut sebagai "katak politik", dan mereka meneruskan kesetiaan mereka kepada Huguan Siou (pemimpin agung) mereka.

Dr Mohd Yaakub Johari, pengarah eksekutif Institut Kajian Pembangunan, berpendapat sebarang usaha untuk penggabungan perlu melibatkan PBS.

Sekiranya penggabungan itu benar-benar menjadi kenyataan -- tanpa PBS -- ia tidak akan menyelesaikan persoalan kepimpinan masyarakat Kadazandusun kerana parti itu mempunyai sokongan besar daripada mereka, katanya.

Bagi Ketua Menteri dan pemimpin Umno Sabah, Datuk Osu Sukam, nasib PDS, PBRS dan Akar, berada di dalam tangan masyarakat Kadazandusun sendiri.

Beliau bersetuju dengan usaha-usaha untuk mengurangkan "politiking" di kalangan sembilan anggota komponen BN negeri, dan berpendapat terpulang kepada masyarakat Kadazandusun sendiri untuk membuat keputusan berhubung dengan perpaduan dan perwakilan politik.

Bagi masyarakat Kadazandusun di negeri kedua terbesar di Malaysia ini, beberapa parti politik datang dan pergi, setiap kali bersaing untuk

mendapat sokongan mereka, sama juga seperti yang telah dilakukan oleh parti-parti Melayu dan Cina di negeri ini.

Pada pertengahan tahun-tahun enam puluhan, parti Pasok Momogun, yang pada umumnya mewakili masyarakat Kadazandusuns, bergabung dengan Pertubuhan Kebangsaan Kadazans Bersatu (Unko) untuk menjadi Pertubuhan Pasok Momogon Kadazandusun Bersatu (Upko).

Kedua-dua parti itu mempunyai perana dalam Kerajaan Perikatan yang memerintah negeri itu dari tahun 1963 hingga 1967 di bawah beberapa orang pemimpin seperti Tun Fuad Stephens, Tan Sri Peter Lo, Tun Datu Mustapha Harun dan Tun Said Keruak.

"Tetapi, bagi PBS, penggabungan tidak berbangkit. Terpulang kepada pemimpin-pemimpin Kadazandusun BN untuk membuat keputusan. Kami mendapat kira-kira 213,000 undi popular dan ini cukup (untuk menentukan pendirian kami)," kata ketua penerangan PBS, Henrynus Amin.

Detik-detik sejeurus selepas pilihan raya negeri 1999 menyaksikan masyarakat Kadazandusun tidak mendapat perwakilan yang mencukupi, dengan PBS gagal untuk menubuh kerajaan walaupun mendapat kebanyakan undi Kadazandusun. PBS memenangi 17 kerusi manakala BN 31.

Sebelum itu, ramai yang berpendapat bahawa PBS cukup popular untuk memenangi bilangan kerusi majoriti manakala yang lain berpendapat langkah persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh kerajaan negeri yang meletakkan kawasan majoriti Islam pada kedudukan lebih selesa akan menjejaskan peluang PBS untuk kembali berkuasa.

Bagaimanapun, isu Kadazandusun tidak mendapat perwakilan yang cukup dalam kerajaan itu telah diselesaikan sebahagian besarnya oleh konsep perkongsian kuasa BN apabila calon PDS bagi kawasan Tamparuli Datuk Wilfred Bumburing yang kalah, dilantik sebagai anggota dewan undangan negeri dan menjadi salah seorang daripada tiga Timbalan Ketua Menteri dan juga sebagai Menteri Pembangunan Prasarana.

Perlambagaan Sabah membolehkan pelantikan enam anggota tambahan kepada 48 anggota yang dipilih dalam Dewan Undangan Negeri bagi mewakili golongan minoriti dan kepentingan khusus.

"Ia adalah soal kepimpinan dan kredibiliti ...parti-parti Kadazandusun BN ini sebenarnya tidak boleh mendakwa mewakili masyarakat Kadazandusun," kata seorang ahli politik tempatan.

Dari segi politik, masyarakat Kadazandusun telah merasa saat-saat kesenangan di bawah pemerintahan PBS - daripada April 1985 sehingga Februari 1994. Ada perwakilan Kabinet yang kuat dan beberapa jawatan tertinggi dan penting diperingkat negeri dipegang oleh mereka. BN "memperbetulkan" keadaan ini apabila ia membentuk kerajaan selepas PBS jatuh berikutan ramai calon-calonnya melompat ke BN selepas pilihan raya negeri 1994.

Timbalan presiden PBS Dr Maximus Ongkili turut memberi pendapat dengan ura-ura penggabungan itu dengan berkata bahawa mungkin lebih baik sekiranya "parti-parti" kecil seperti PDS, AKAR dan PBRB dibubarkan dan sebaliknya menyertai PBS untuk membantu masyarakat itu.

Sambil berkata kemungkinan ketiga-tiga parti itu bergabung dengan PBS tidak berbangkit, Maximus menambah bahawa nasib mereka telahpun ditentukan "selama-lamanya" oleh rakyat pada pilihan raya baru-baru ini dan bahawa mereka tidak mempunyai sokongan akar umbi.

Rakan separtinya, Henrynus menambah: "Kami ada kira-kira 213,000 undi popular, iaitu kira-kira 40 peratus, dan kami akan kekal seperti mana yang dimahukan oleh rakyat."

Ketua penerangan Umno negeri, Datuk Karim Ghani menasihati para pemimpin PDS, AKAR dan PBRB supaya membincangkan cadangan penggabungan itu tanpa mendedahkannya kepada akhbar yang katanya mungkin akan menjadi sia-sia.

"Daripada pengalaman lepas, apabila mereka memberitahu akhbar mengenai

sesuatu isu seperti ini, mereka tidak pernah berjaya dengan apa yang mereka mahu buat. Sekiranya mereka duduk berbincang perkara itu dengan senyap-senyap, mereka akan dapat melihatnya dengan jelas," katanya.

Salah seorang daripada dua calon PDS yang berjaya dalam pilihan raya lepas, Datuk Siringan Gubat, berkata para pemimpin PBS mungkin masih merayakan kekalahan Dompok tetapi tidak dengan orang Kadazandusun.

Tempoh dua tahun Dompok menjadi Ketua Menteri - ihsan sistem penggiliran yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad - dipendekkan lebih dari setahun kerana beliau gagal dipilih semula di kawasan Moyog.

Disebabkan itu, Osu juga menjadi Ketua Menteri lebih awal daripada yang dijangkakan, melalui sistem itu yang juga sekarang menjadi topik perdebatan sengit.

Datuk Dr Jeffrey Kitingan, adik Pairin, berkata PBS tidak boleh diketepikan dalam mana-mana penggabungan parti-parti Kadazandusun.

Sekiranya pun penggabungan berlaku, ia tidak akan menyaksikan pembubaran PBS yang sekarang menikmati sokongan besar dari masyarakat Kadazandusun.

Hanya masa akan menentukan sama ada parti-parti Kadazandusun yang lain akan bertahan sehingga pilihan raya akan datang sebagai entiti berasingan memandangkan kepada keutamaan jelas yang diberikan mereka kepada PBS seperti sekarang.

--BERNAMA

EL AU WAT